



**Kementerian Wilayah**

**TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID ABD.SAMAD**

**MENTERI WILAYAH**

**MAJLIS PECAH TANAH PADANG BOLA SEPAK  
BANDAR TUN RAZAK**

**28 JULAI 2018 (SABTU), 9 PAGI**

**JALAN BUDIMAN (OFF JALAN ADIL), BANDAR TUN RAZAK  
WP KUALA LUMPUR**

***Salutasi (Akan diberikan pada hari kejadian)***

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Dan Salam Sejahtera**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd dan Syarikat Sinerjuta Sdn Bhd kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan padang bola sepak kedua di parlimen Bandar Tun Razak ini.
3. Padang bola sepak yang dibina berhampiran Perumahan PPR Seri Labuan ini bertujuan tidak lain dan tidak bukan adalah bagi menambahkan lagi kemudahan rekreasi buat penduduk-penduduk di Bandar Tun Razak ini.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Padang baharu ini merupakan projek CSR bagi Kumpulan Aset Kayamas Sdn.Bhd dalam menyediakan padang gantian kepada

tapak padang bola di Jalan Jujur, yang kini diambil alih oleh syarikat Sinerjuta Sdn.Bhd.

5. Padang baharu ini akan dilengkapi dengan padang rumput berpagar yang dibina mengikut saiz standard Gabungan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) berkeluasan 700 meter x 100 meter. Ia juga turut dilengkapi dengan tempat duduk Grandstand yang boleh memuatkan dalam lingkungan 700 orang serta kelengkapan sistem pengaliran air yang sistematik bagi penyelenggaraan rumput-rumput di padang tersebut.
6. Seperti yang anda maklum, tapak padang baharu ini asalnya merupakan tapak padang rekreasi bagi penduduk-penduduk di sini. Bagi menggantikan tapak rekreasi yang telah diambil alih ini, pihak pemaju bersetuju untuk memindahkannya ke kawasan bersebelahan, berdekatan dengan Masjid Saidina Othman sebagai tapak rekreasi baharu.
7. Saya dimaklumkan bahawa tandas awam yang berada di padang rekreasi ini juga akan dinaiktaraf di mana lebih banyak bilik air dan bilik persalinan akan disediakan sejajar dengan pembinaan padang bola ini. Tambahan juga, sebanyak 70 buah tempat letak kereta akan dibina bagi menyediakan kemudahan tambahan buat pengunjung-pegunjung di padang rekreasi dan padang bola itu kelak.

## PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Di kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua kerana terus menggembung tenaga untuk memastikan hasrat kerajaan memberikan perkhidmatan dan keselesaan kepada rakyat akan terus dilaksanakan dengan jayanya.
9. Saya berharap agar padang bola sepak baru ini akan memberikan impak positif kepada rakyat keseluruhannya terutama kepada penduduk untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi.
10. Justeru itu, saya menyeru hadirin sekalian yang hadir pada hari ini dan rakyat Malaysia secara amnya supaya menyokong segala usaha baik dan inisiatif kerajaan ini ke arah mencapai matlamat yang telah kita rancang bersama.
11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya melancarkan Majlis Perasmian Padang Bola Sepak Bandar Tun Razak pada hari ini. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. **Sekian, terima kasih.**